

Timbalan Mufti Persekutuan Rusia kunjungi UNISSA



KUNJUNGAN hormat daripada Timbalan Mufti Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Ruslan Hazrat Abbyasov (kiri) kepada Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 September - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengalu-alukan kunjungan daripada Timbalan Mufti Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Ruslan Hazrat Abbyasov yang berada di negara ini bagi lawatan rasmi selama lima hari.

Semasa berada di UNISSA, TYT telah membuat kunjungan kepada Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, bertempat di Bilik Persidangan, UNISSA.

Dalam ucapan alu-aluannya, rektor UNISSA juga menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada Kedutaan Rusia di negara ini dalam merealisasikan penandatanganan Memorandum Persefahaman dan seterusnya kerjasama bersama dengan tujuh buah institusi pengajian tinggi di sana termasuk Russia Muftis Council (RMC) yang telah termertai sejak 5 Julai 2017 lalu.

TYT dalam ucapan balasnya turut mengagumi Negara Brunei Darussalam dalam penerapan sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah hingga ke

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd, Noor /
Morshidi

peringkat pengajian tinggi.

TYT dan delegasi seterusnya diberikan taklimat mengenai universiti tersebut melalui tayangan video UNISSA yang menerangkan sejarah penubuhan dan pencapaian melahirkan graduan Islam tulen dalam pelbagai jurusan.

Antara yang hadir pada sesi kunjungan tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mr Vladen Stanislavovich Semivolov; Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad serta para pegawai-pegawai utama UNISSA, Dekan-dekan fakulti dan Pengarah-pengarah UNISSA.

Sejurus selepas kunjungan kepada rektor berakhir, TYT dan delegasi beredar ke Dewan Auditorium, UNISSA bagi menyampaikan ceramah umum bertajuk 'Islam in Russia'.

Ceramah yang disampaikan oleh TYT dalam bahasa Arab tersebut dihadiri oleh lebih 300 warga UNISSA terdiri daripada pensyarah dan mahasiswa serta mahasiswa.

Dalam ceramah tersebut, TYT turut menyentuh mengenai sejarah perkembangan syiar Islam di Rusia yang merupakan tempat bernaungnya seramai hampir 20 juta orang penduduk Islam pelbagai etnik.

13 pelajar cemerlang terima Basiswa BSJV

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

JERUDONG, Khamis, 27 September. - Seramai 13 pelajar cemerlang terpilih menerima Basiswa Syarikat-syarikat Gabungan Brunei Shell (Brunei Shell Joint Venture - BSJV Companies) bagi melanjutkan pengajian mereka di universiti-universiti dalam dan luar negara.

Majlis Penandatanganan Basiswa berkenaan berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Dr. Ceri Powell selaku Shell Country Chair in Brunei.

Seramai 11 pelajar akan meneruskan pengajian mereka di Universiti Teknologi Brunei manakala dua orang lagi akan melanjutkan pengajian ke United Kingdom iaitu di Leeds University dan University of Nottingham.

Majlis tersebut juga menyaksikan seramai 17 pelajar di bawah Basiswa BSJV yang telah menamatkan pengajian Program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama menerima penghargaan yang disampaikan oleh Dr. Ceri Powell.

Skim Basiswa tersebut mencerminkan sumber paling penting dalam pengambilan graduan-graduan masa depan ke arah mengekalkan hasil sumber utama di negara ini.

Untuk layak menerima basiswa tersebut, pelajar perlu menjalani proses penilaian yang ketat untuk memastikan kriteria syarikat dipenuhi yang mana mereka yang berjaya dikenal pasti sebagai yang terbaik dalam kelas dalam kalangan rakan sebaya mereka.

Dalam ucapannya, Pengarah Sumber-Sumber Manusia BSP, Dayang Hajah Zainab binti Haji M.A Omar menjelaskan, BSJV akan terus mengukuhkan lagi usahamasa dan kerjasama yang sudah ada dengan Unit Basiswa di Kementerian Pendidikan.

Menurutnya, usaha-usaha terus dijalankan untuk menghubungkan semula dengan sekolah-sekolah, kolej dan Institusi Pengajian Tinggi untuk memupuk kesedaran awal dalam kalangan pelajar mengenai prospek kerjaya masa depan dalam BSJV.

Syarikat-syarikat BSJV, tambah beliau, komited sepenuhnya untuk menjana masa depan generasi Brunei yang akan datang, para penerima basiswa tersebut bukan saja diharap menunjukkan tingkah laku dan 'mindset' yang betul, malah pemohon-pemohon akan datang yang mempunyai keinginan untuk menyertai hendaklah mempunyai apa yang diperlukan untuk menjadi sebahagian daripada sebuah organisasi terkemuka iaitu kesungguhan untuk bekerja keras untuk menjadi profesional yang mahir sekaligus menyumbang kepada Wawasan Brunei 2035.

Turut hadir ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Brunei LNG Sendirian Berhad, Patrice Girard, Pengarah Urusan Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad, Pengiran Shamhary bin Pengiran Dato Haji Mustapha serta pegawai-pegawai kerajaan, jempunan khas dan para ibu bapa pelajar.

Salah seorang penerima basiswa yang akan melanjutkan pengajian ke Leeds University dalam Program Kejuruteraan Petroleum, Dayang Edvyna Tan melahirkan perasaan teruja dan gembira kerana kepercayaan dan peluang yang diberikan oleh pihak BSJV untuk memilih dirinya selaku penerima basiswa kali ini.

Jelasnya, proses untuk memohon basiswa tersebut memang sukar namun beliau berjaya menjalani setiap temuduga dan juga ujian-ujian yang diberikan.

"Memandangkan saya mengambil jurusan Kejuruteraan Petroleum, perkara pertama yang lahir dalam fikiran saya ialah Syarikat Minyak Brunei Shell," ujarnya yang berharap untuk berkhidmat dengan syarikat berkenaan suatu hari nanti.

Sementara itu, Awang Haji Zainul Asri bin Haji Jeffri Sham yang akan melanjutkan pengajiannya dalam Program Mechatronics di Universiti Brunei Darussalam pula tidak menyangka kerana terpilih menerima basiswa berkenaan yang pada mulanya adalah hasil desakan ayah beliau yang menyarakannya untuk memohon basiswa tersebut.

Semasa menjalani proses permohonan tersebut, beliau tidak menaruh setinggi harapan memandangkan pemohon-pemohon yang memohon basiswa tersebut adalah ramai.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa ini adalah titik permulaan baru bagi dirinya dan berharap untuk kejayaan yang terbaik pada masa hadapan.



PENGARAH Urusan BSP, Dr. Ceri Powell (kiri) semasa menerima dokumen penandatanganan kontrak basiswa syarikat-syarikat gabungan Brunei Shell.

Anugerah Kepujian Menteri Luar



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato (kanan), semasa menyampaikan Anugerah Penghargaan Perdana Menteri Luar Negeri Jepun kepada Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh (tengah) yang telah berlangsung di Rumah Kediaman Kedutaan Jepun.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 September. - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jepun memberikan Anugerah Kepujian Menteri Luar kepada beberapa individu dan kumpulan yang mempunyai pencapaian luar biasa dalam beberapa bidang di tahap antarabangsa.

Penganugerahan seumpamanya bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan pihak-pihak tersebut dalam mempromosikan

perhubungan persahabatan di antara Jepun dan beberapa buah negara termasuk isu-isu berkaitan.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato berkata demikian semasa majlis penganugerahan tersebut bagi Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh.

Majlis diadakan di kediaman

Tuan Yang Terutama di Kampung Sungai Tilong.

TYT juga mengucapkan tahniah dan melahirkan kegembiraan atas sumbangan Dr. Chin Wei Keh ke arah mempromosikan kesalinghubungan dan hubungan persahabatan di antara kedua buah negara.

Dr. Chin Wei Keh merupakan bekas penuntut dan pernah menuntut di Universiti Tokyo Gakugei dalam jurusan vokasional dan teknikal.

Beliau juga pernah menjadi Yang Dipertua Persekutuan Alumni Jepun (BAJA) selama tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2012 hingga 2017.

Tambah Tuan Yang Terutama, Dr. Chin Wei Keh juga turut membantu mengadakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan bahasa Jepun yang diadakan oleh Kedutaan Jepun di negara ini.

Tahun ini anugerah tersebut akan diberikan kepada seramai 205 individu dan 49 buah kumpulan.

Pada majlis itu juga, Dr. Chin Wei Keh melahirkan rasa berbesar hati kerana diberikan penganugerahan tersebut yang dapat menjadi motivasi kepada dirinya sendiri dan masyarakat di sekeliling.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga yang terus menjadi sokongan dan rakan sepasukan BAJA kerana terus memberikan kerjasama dan komitmen yang baik sehingga mampu mencapai apa yang dicapai pada hari ini bagi kedua buah negara," ujarnya.